

# Membakut dan Beaufort dapat bantuan kemanusiaan UMS

UB 21.2.2014 A2

**BEAUFORT:** Meskipun keadaan banjir di daerah ini dilihat beransur pulih, ia tidak menghalang warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) tampil memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat di kawasan itu.

Kira-kira 20 kakitangan dari Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik UMS (PPUMS) kelmarin menyerahkan bantuan



HARUN menyerahkan sumbangan kepada Sariansyah.

keperluan berbentuk tilam, pakaian, makanan serta wang tunai bagi meringankan beban keluarga yang terlibat dalam bencana itu.

Menurut Setiausaha PPUMS Sariansyah Shamsudin, bantuan yang

disalurkan ke kawasan Membakut dan Beaufort itu adalah fasa pertama misi bantuan itu manakala fasa kedua akan melibatkan agihan kepada mangsa banjir di kawasan Tenom.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah ketika ditemui melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada semua pihak yang sudi tampil memberikan bantuan.

"Saya menyokong penuh usaha murni yang dianjurkan oleh PPUMS dan mengharapkan lebih ramai yang akan menyertai bantuan kemanusiaan seperti ini pada masa akan datang," katanya.

Kutipan bantuan yang dianjurkan oleh PPUMS itu bukan sekadar mendapat sambutan baik daripada wargakampus malah pelbagai syarikat di sekitar Kota Kinabalu turut menghulurkan sumbangan mereka.

Antara pihak swasta yang tampil bersama-sama UMS memberikan sumbangan ialah Shell Timur Sdn Bhd, Kelab Sosial dan Rekreasi Bundu Tuhan Ranau serta Dana Hijau Enterprise.